

Tingkatkan integriti setiap masa

► Saranan kepada pelajar dan kakitangan UMS.

UB 14.3.2014 A3

Oleh I.SAB KHAN
MUKARAB SHAH

KOTAKINABALU: Semua pihak khususnya pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlunya meningkatkan integriti dalam diri setiap masa.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi berkata, setiap pelajar dan kakitangan harus menjadikan integriti sebagai salah satu budaya dalam kehidupannya.

Katanya, salah satu cadangan yang beliau utarakan adalah integriti tidak perlu dihadkan kepada hari, bulan maupun tahun sebaliknya dijadikan sebagai satu amalan kehidupan.

“Bila sebut mengenai integriti dalam universiti ia bukan hanya terhad semata-

mata kepada pelajar, akademik atau kakitangan pentadbiran tetapi semua pihak perlu bekerjasama untuk menambah baik integriti universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Ceramah Perdana ‘Warga Berintegriti, Universiti Berkualiti’ di Dewan Resital UMS, di sini kelmarin.

Menurut Zaki, walaupun integriti dalam diri sudah mencapai 100 peratus, namun ia perlu terus ditingkatkan tanpa merasa puas hati.

“Ini kerana kita harus meningkatkan integriti itu dengan sebaik mungkin hingga ke tahap yang lebih baik,” katanya.

Katanya, bulan integriti yang diadakan dan program yang ditetapkan pada bulan ini akan dilanjutkan setiap bulan sehingga tahun hadapan.

“Dengan cara ini, kita tidak akan terlupa dan ia juga akan mengingatkan kita serta semua pihak agar meningkatkan integriti diri,” katanya sambil menambah, peringatan itu adalah untuk semua cawangan UMS termasuk Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan UMS Kampus Sandakan.

Zaki berkata, tiada sebarang sasaran ditetapkan dalam mencapai integriti sebaliknya semua pihak perlu terus meningkatkan integriti dalam diri setiap hari agar mananya cabang diri yang perlu diperbaiki dapat diubah.

Mengulas mengenai integriti dalam UMS, beliau berkata UMS akan ditambahbaik kepada satu tahap yang mana ia akan dihormati dan disegani oleh universiti lain.

“Kita akan mengadakan



ZAKI (tengah) bersama Harun (kanan) dan Abdullah (kiri) pada sidang media berkenaan.

memorandum persefahaman (MoU) dengan universiti-universiti lain yang lebih tinggi daripada kita dan kita juga akan membawa masuk pensyarah-pensyarah yang terkenal untuk mengajar pelajar kita di sini,” katanya.

Katanya, salah satu petunjuk prestasi utama yang beliau tetapkan kepada akademi adalah mereka

dikehendaki menyediakan satu jurnal untuk disiarkan dalam Jurnal Berimpak Tinggi.

“Untuk bahagian pentadbiran, kebersihan kawasan perlu diperketatkan lagi. Selain itu, setiap tuntutan

wang daripada pelajar dan kakitangan perlu segera diselesaikan dalam masa tiga hari dan bukan seperti sekarang yang memakan

masa selama sebulan,” katanya.

Tambahnya, pihaknya juga bercadang untuk menukar sistem sedia ada kepada sistem online bagi memudahkan setiap pengurusan berkenaan tuntutan.

Turut hadir di majlis berkenaanialah Naib Canselor UMS Datuk Dr Harun Abdullah dan Pendaftar UMS Datuk Abdullah Said.